

11 MAR 2004

Pilihan raya-Perak (Calon)

DUA EXCO GUGUR, LIMA MENTERI BERTANDING DI PERAK

IPOH, 11 Mac (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Perak akan mengemukakan

35 muka baru pada pilihan raya umum ke-11 ini tetapi sekurang-kurangnya dua

anggota majlis mesyuarat kerajaan negeri (Exco) digugurkan.

Lima daripada muka baru yang disenaraikan itu akan bertanding di kawasan Parlimen dan 30 di kawasan DUN, iaitu Umno (tiga Parlimen dan 19

DUN), MCA (lima DUN), Gerakan (satu Parlimen, tiga DUN), PPP (satu Parlimen, satu DUN dan MIC (dua DUN).

Lima Menteri Kabinet termasuk Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk

Abdul Hamid Zainal Abidin akan bertanding di lima kawasan Parlimen di Perak.

Abdul Hamid yang sebelum ini dilantik sebagai Senator adalah Menteri di

Jabatan Perdana Menteri bagi portfolio hal ehwal agama dan beliau akan

bertanding di kawasan Parlimen Parit Buntar menentang penyandang dan naib

presiden PAS, Datuk Dr Hassan Ali.

Menteri Besar dan Pengerusi BN Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali

hampir pasti kekal memegang jawatan itu apabila bertanding semula di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) tetapi berpindah dari Kenering ke

Pengkalan Hulu.

"Semua nama ini telah diputuskan oleh Pengerusi BN, Datuk Seri Abdullah

Ahmad Badawi. Kami berterima kasih kepada beliau dan juga Gerakan yang

menyelesaikan masalah di Bukit Gantang," kata Tajol Rosli pada sidang media

di sini hari ini.

Exco yang digugurkan ialah Pengerusi Jawatankuasa Pertanian Datuk Azman

Mahalan dan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar dan Pembangunan

Masyarakat Datuk Ainon Khariyah Mohd Abas.

Bagaimanapun, nasib Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Pelancongan dan

Hal Ehwal Wanita Datuk Mazidah Zakaria masih menjadi tanda tanya walaupun

namanya ada disenaraikan.

Tajol Rosli yang pada mulanya menyatakan calon bagi Ayer Kuning

yang dipegang Azman belum diketahui manakala Mazidah akan bertanding semula di Hulu Kinta.

Bagaimanapun, selepas persidangan media itu, Tajol Rosli mengumumkan nama calon bagi Hulu Kinta dikosongkan buat sementara waktu dan kemudian mengesahkan Azman digugurkan dan diganti dengan Timbalan Ketua Umno Bahagian Tapah, Shamsuddin Abu Hassan.

Ketua Wanita Umno dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz akan mempertahankan kerusi Parlimen Kuala Kangsar manakala Menteri Perusahaan Awam Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz di kawasan Parlimen Padang Rengas.

Tiga presiden parti komponen, iaitu MIC, Gerakan dan Parti Progresif Penduduk (PPP) akan turut bertanding. Presiden MIC dan Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu akan mempertahankan kerusi Parlimen Sungai Siput, Menteri Perusahaan Utama dan Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik (Beruas) manakala Presiden PPP Datuk M. Kayveas pula akan bertanding di Taiping yang kini dipegang Timbalan Presiden Gerakan Datuk Kerk Choo Ting yang berpindah ke Johor.

Tajol Rosli berkata, Gerakan bersetuju memberi kerusi Taiping kepada PPP berikutan bantahan keras Umno Bukit Gantang yang tidak mahu Kayveas bertanding di situ.

"Ini hanya untuk pilihan raya ini kerana Umno dan Gerakan akan mendapat semula kerusi Bukit Gantang dan Taiping pada pilihan raya akan datang. Ganti bagi PPP akan diputuskan bila sampai masanya nanti," katanya.

Gerakan juga akan meletakkan Ketua Wanita Perak, Tan Lian Hoe di Bukit Gantang yang sebelum ini dipegang Datuk Abdullah Fadzil Che Wan.

Tajol Rosli berkata sembilan ketua penaja bahagian Umno di Perak tidak tersenarai sebagai calon termasuk ketua penaja Umno bahagian Parit Buntar dan bekas anggota Parlimen Parit Buntar Datuk Abdul Rahman Suliman.

Antara muka baru yang dikemukakan ialah bekas Timbalan Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia Datuk Dr Wan Hashim Wan Teh di kawasan

Parlimen Gerik, Ketua Pemuda Umno Perak Datuk Dr Zambry Abdul Kadir di DUN Pangkor dan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas Perak, Kapt (B) Najmuddin Alias Al-Hafiz di DUN Batu Kurau.

Turut disenaraikan ialah Ketua Pemuda Umno Tanjong Malim, Khusairi Abdul Talib di DUN Slim, menggantikan Speaker Dewan Undangan Negeri Datuk Seri Junus Wahid, Timbalan Ketua Penaja Bagan Datok Shaarani Mohamad di DUN Rungkup dan naib ketua penaja Sungai Siput, Ahamad Fakih Adam di DUN Lintang.

BN juga mencalonkan Timbalan Ketua Penaja Umno Pasir Salak, Tajuddin Rahman di DUN Kampung Gajah, menggantikan Ainon. Tajuddin pernah digantung keanggotaannya kerana terlibat dengan politik wang (dikenali sebagai six million dolar man).

Bagi kawasan Parlimen yang dikuasai PAS, Tajol Rosli berkata, BN meletakkan Nasaruddin Hashim berdasarkan faktor orang tempatan yang aktif dalam Umno bahagian Parit.

Antara pemimpin negeri lain yang kekal ialah bekas Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib (Pasir Salak), Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Zainal Abidin Zin (Bagan Serai), bekas Ketua Pemuda Umno Pusat Datuk Zahid Hamidi (Bagan Datok), Pengerusi Maltrade Datuk Ahmad Husni Hanadzlah (Tambun) dan Datuk Raja Ahmad Zainuddin Raja Omar (Larut).

Turut kekal Setiausaha Agung MCA Tan Sri Ting Chew Peh (Gopeng) dan naib presiden MIC, Datuk S. Veerasingam (Tapah).

Pengerusi MCA Perak Datuk Ong Ka Chuan akan berpindah ke kawasan Parlimen Batu Gajah manakala Pengerusi MIC Perak Datuk G. Rajoo kekal di Hutan Melintang.

Tajol Rosli berkata, hasrat BN untuk menyapu bersih kesemua 24 kerusi Parlimen dan 59 DUN mungkin menghadapi sedikit masalah, terutamanya dengan kehadiran Pengerusi DAP Lim Kit Siang yang akan bertanding di kawasan Parlimen Ipoh Timor.

Beliau berkata bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad akan membantu kempen pilihan raya pada 19 Mac, terutamanya bagi kawasan Ipoh.

-- BERNAMA

AR AZE LD RHM

